

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

PADU bantu agih subsidi lebih adil

PADU bantu agih subsidi lebih adil

Pangkalan data paling lengkap minimumkan kumpulan berisiko tercicir

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang kini siap 60 peratus akan memastikan agihan subsidi bersasar lebih adil dan meminimumkan kumpulan berisiko tercicir berlaku, demikian kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, berkata sistem PADU apabila siap kelak menjadi pangkalan data paling lengkap yang kerajaan ada setakat ini.

Katanya, setakat ini, proses pembangunan sistem PADU yang menggabungkan maklumat sosio ekonomi bagi setiap isi rumah Malaysia berjalan lancar mengikut garis masa dirancang akan melalui tempoh percubaan mulai November ini sebelum dibuka ke-



Rafizi pada sidang media sesi libat urus pembangunan PADU Menteri Ekonomi Bersama Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kementerian dan Agensi di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

pada orang ramai pada Januari 2024.

Katanya, apabila PADU beroperasi, dari segi keadilan dan akses akan sebahagian besarnya dilaksanakan oleh sistem berkenaan.

"PADU (juga) akan mengetengahkan kumpulan berisiko daripada tercicir. Kita akan menumpukan kepada kumpulan khusus ini (kumpulan tercicir) sama ada kita mengesahkan, membangunkan dasar berlainan untuk mereka, sama ada hendak dan mengu-

bah mekanisme subsidi bersasar supaya memastikan mereka tidak tercicir," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sesi libat urus pembangunan PADU Menteri Ekonomi Bersama Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kementerian dan Agensi di Putrajaya, semalam.

Rafizi berkata, sememangnya mencabar untuk menggabungkan data maklumat 32 juta rakyat Malaysia dalam tempoh singkat.

Beralih kepada govtech

Beliau berkata, kerajaan melihat PADU mesti dibuat bukan saja demi untuk memastikan pelaksanaan subsidi bersasar berlaku adil kepada semua isi rumah tetapi juga adalah nukleus kepada rancangan kerajaan untuk beralih kepada teknologi kerajaan (govtech).

Katanya, dengan adanya PADU dan maklumat tepat membolehkan kerajaan merangka program dan strategi yang berpandu-

kan data dan analisis. Rafizi berkata, sistem PADU itu dan keseluruhannya dikendalikan penjawat awam bagi memastikan kemahiran dan kepakaran berasaskan data, digital dan sistem itu dikumpul dan dibangunkan dalam perkhidmatan awam.

Beliau berkata, langkah sedemikian juga bagi membuktikan negara mempunyai banyak bakat yang boleh dikembangkan dalam bidang GovTech, sains data dalam bidang teknologi yang dimiliki penjawat awam.

"Kita buktikan penjawat awam dari segi mutu dan kepakaran, aspirasi kita supaya dua tiga tahun akan datang, (dengan) PADU dan kita mula melaksanakan govtech supaya penjawat awam (menjadi) rujukan dunia dari segi kemahiran dan kemampuan menukar perkhidmatan awam kepada digitalisasi dan govtech," katanya.

"Saya harap perkara ini akan memberi lonjakan kepada masyarakat bila kita tahu penjawat awam terdiri daripada profesional yang pakar digital dan govtech, bidang paling maju dalam ekonomi," katanya.